

PM harap kompleks mampu rangsang siswa

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap pembinaan Kompleks Perdanasiswa di kampus Universiti Malaya (UM) mampu merangsang mahasiswa di universiti itu berfikir lebih positif.

Kata Dr. Mahathir, kompleks baru itu, yang beliau lancarkan semalam, perlu dimanfaatkan sepenuhnya sebagai pusat tumpuan untuk pembangunan, pertumbuhan dan kemajuan serta medan interaksi yang bersepadu.

Beliau menyatakan demikian dalam kata-kata alu-aluannya sempena majlis perasmian Kompl-

eks Perdana Siswa UM semalam.

Sambil menyifatkan kemunculan kompleks itu sebagai mercu tanda universiti itu, Perdana Menteri berkata, ia juga menyediakan pelbagai kemudahan perlu yang mencukupi bagi membolehkan para pelajar menjalankan kegiatan-kegiatan bercorak akademik dan sosial.

“Saya berharap kompleks itu dimanfaatkan sepenuhnya supaya melalui itu, dapat melahirkan pelajar-pelajar yang matang, berfikir positif dan berwibawa, supaya dapat berkhidmat kepada masyarakat dan negara,” ujarnya.

Dr. Mahathir bangga kerana walaupun kerajaan hanya memperuntukkan RM8.5 juta daripada kos keseluruhan RM22.6 juta, tetapi pembinaannya dapat diteruskan daripada tabung bangunan universiti, pelajar dan penderma.

“Semoga Kompleks Perdanasiswa ini akan memenuhi matlamat pembinaannya dan sekaligus menjadi lambang untuk menaikkan semangat para pelajar untuk terus maju dan berjaya,” katanya.

Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud berharap, Perdanasiswa dimanfaatkan

sepenuhnya untuk melahirkan siswazah yang berkeperibadian lengkap serta selaras dengan aspirasi negara.

“Mahasiswa hendaklah diberi kesempatan untuk melatih diri mereka sehingga berkeupayaan untuk memimpin, berkomunikasi secara berkesan, mempunyai kesedaran sosial, berkebolehan berfikir dan bertindak secara rasional, logik, kritikal dan kreatif,” katanya.

Tambah beliau, mahasiswa yang mempunyai sikap seumpama itu dapat menjamin kesinambungan kepimpinan negara.